



LEMBAGA PERTUBUHAN PELADANG

PEKELILING KETUA PENGARAH BILANGAN 9 TAHUN 2009

KESAN KE ATAS PERKHIDMATAN BAGI PEGAWAI YANG DILULUSKAN CUTI BERGAJI PENUH, CUTI SEPARUH GAJI DAN CUTI TANPA GAJI

1. TUJUAN

Pekeliling Ketua Pengarah ini bertujuan untuk memaklumkan jabatan / agensi Kerajaan mengenai kesan ke atas perkhidmatan bagi pegawai yang diluluskan cuti bergaji penuh, cuti separuh gaji dan cuti tanpa gaji.

2. TAKRIF

Dalam Pekeliling ini, melainkan jika konteksnya menghendaki makna yang lain, maka:

2.1 **“Ketua Jabatan”** bermakna Ketua Pengarah Lembaga Pertubuhan Peladang

2.2 **“Kerajaan, Kementerian, Jabatan, Pihak Berkuasa”** mana yang berkenaan ertinya Lembaga Pertubuhan Peladang.

2.3 “Pegawai”

Bermakna penjawat Lembaga Pertubuhan Peladang yang dilantik secara tetap atau sementara atau kontrak ke dalam mana-mana skim perkhidmatan Lembaga Pertubuhan Peladang tetapi tidak termasuk mana-mana pekerja yang dilantik secara sambilan.

3. KEPUTUSAN

Adalah diputuskan bahawa Lembaga Pertubuhan Peladang menerimapakai Surat Pekeliling Perkhidmatan Bil 4 Tahun 2009 mengenai kesan ke atas perkhidmatan bagi pegawai yang diluluskan cuti bergaji penuh, cuti separuh gaji dan cuti tanpa gaji.

4. TARIKH KUATKUASA

Pekeliling Ketua Pengarah ini berkuatkuasa mulai tarikh ianya dikeluarkan.

LPP(A)5/10 Jld.10/()

Sekian, Terima Kasih.

“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”



(MARIAM MAS BINTI YAACOB)

Ketua Pengarah

Lembaga Pertubuhan Peladang

APRIL 2009

Edaran kepada:

- Timbalan Ketua Pengarah
- Pengarah Bahagian
- Pengarah LPP Negeri
- Pengurus Cawangan Audit Dalam
- Ketua Cawangan Undang-Undang